


LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG BULAN OGOS 2021


1. KURSUS PENAMPILAN PROFESIONAL BERIMEJ KORPORAT & PERSONALITI HEBAT

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menganjurkan Kursus Penampilan Profesional Berimej Korporat & Personaliti Hebat pada 2 Ogos 2021. Kursus ini diadakan secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize* di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Puan Khairul Intan Binti Daud dari Institut Tadbiran Awam Negara, Kampus Wilayah Utara, Kedah.

Seramai 33 orang peserta terdiri dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus diadakan bagi meningkatkan imej profesional organisasi dengan membantu para peserta memantapkan tatacara penampilan diri secara profesional, serta meningkatkan personaliti diri dengan kemahiran komunikasi profesional dan etiket sosial.



Penceramah memberi ceramah atas talian



Sebahagian peserta yang terlibat

2. KURSUS ASAS PERAKAUNAN ASET KEPADA PTJ PULAU PINANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Asas Perakaunan Aset kepada PTJ Pulau Pinang pada 11 dan 12 Ogos 2021 dari jam 8.30 pg hingga 4.30 ptg. Urus setia dan moderator kursus telah mengendalikan kursus ini dari Bilik Mesyuarat Tingkat 42, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Seramai 189 peserta dari PTJ Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize*. Kursus telah disampaikan oleh Puan Nur Iqwa Jamal Binti Jamaludin dari Institut Perakaunan Negara dan diikuti oleh Puan Anis Nabilah binti Amiruslan, Puan Lailaton Khalidah binti Mohamad, Puan Suhaida Binti Ab Rahim dan Encik Mohamad Faizal Bin Mazlami daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Kursus ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan peserta dengan konsep asas perakaunan aset dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan, meningkatkan kefahaman peserta dalam penentuan dan penggunaan kod akaun aset yang tepat, pengenalan kepada Modul Perakaunan Aset di system iGfmas dan mendedahkan PTJ kepada tanggungjawab, tugas dan Tindakan PTJ berkaitan perakaunan Aset.



The screenshot shows a Zoom meeting interface. The main content is a PowerPoint slide with the following text:

JABATAN AKAUNTAN NEGERA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

UNIT PENGURUSAN ASET
JANMPP

UCAPAN ALUAN:
PUAN OMMI NAJWA BINTI
MOKHTAR (TIMB. PENGARAH
JANM PULAU PINANG)

At the bottom of the slide, there is a small cartoon character of a woman in a blue hijab and glasses standing at a podium. The Zoom interface includes a video gallery in the top left, a search bar at the bottom, and a system tray at the very bottom showing the time as 8:11 AM on 8/11/2021.

Ucapan Aluan Puan Ommi Najwa Binti Mokhtar Timbalan Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang




Penceramah memberi ceramah secara atas talian


3. KURSUS GENERIK : MPSAS : PERAKAUNAN ASET ZON UTARA

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik: MPSAS Perakaunan Aset Zon Utara pada 17-19 Ogos 2021. Kursus diadakan secara atas talian anjuran JANM Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Puan Ommi Najwa Binti Mokhtar dan Puan Anis Nabilah Binti Amiruslan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.


Seramai 31 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan yang menghadiri kursus ini. Kursus diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman konsep Perakaunan Aset dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan dan pemakaian MPSAS. Selain itu, kursus ini jugak dapat menjelaskan polisi-polisi dan tatacara Perakaunan Aset Kerajaan, menerangkan perkaitan antara kelas-kelas aset & menerangkan kepentingan kedudukan aset dalam Penyata Kewangan.




Penceramah memberi ceramah secara atas talian



Penceramah memberi ceramah secara atas talian



Penceramah memberi ceramah secara atas talian



Sebahagian peserta yang terlibat